"The intra-Asean trade linkages will be fortified via the existing free trade agreements (FTAs). Micro, small, and medium enterprises are encouraged to seek more information preferential treatment in the existing FTAs in order to penetrate the export markets effectively and cost efficiently," he said.

UCSI University Malaysia finance associate professor and CME research fellow Liew Chee Yoong said the slower global growth projected by the IMF indicates weakening demand and heightened uncertainties.

"Malaysia, being a highly open economy, is vulnerable to these trends, especially given the slowdown in China which is its largest trading partner," he said.

Despite the headwinds, the country is well-positioned to weather global uncer-

ainties given its strong fundamentals.

"Accelerating economic transformation through investments in the digital economy, green energy, and export diversification can boost medium-term growth," Liew said.

OCBC senior asean economist Lavanya Venkateswaran concurred that bolstering reforms through national economic plans for the industry and semiconductor sector, and diversifying trade and investment partners will help keep the economy in good stead over the medium-term.

In the meantime, the country's financial system and fiscal position remained resilient in supporting the economy, with little risk of a credit downgrade by rating agencies.

Sunway University economics prof Yeah Kim Leng said Malaysia's sovereign credit profile remained intact if not fortified by above expected growth performance and gradual fiscal consolidation since its recovery from the Covid-19 pandemic recession in 2020.

"Further bolstering its creditworthiness is the country's strong and well-capitalised banking sector and a healthy financial system with relatively low foreign currency borrowings.

"Malaysia has already embarked on a gradual fiscal consolidation process where the budgets for the last two years have focused on enhancing revenue sources and rationalising subsidies while reducing leakages and improving spending efficiency," he said.

THE STAR

1 MAY 2025

Tarikh:.....

Malaysia's halal product exports up 15% to RM62bil last year

21

KUALA LUMPUR: The country's halal product exports reached RM61.79bil in 2024, marking a 15% increase from RM53.72bil recorded in the same period of 2023, says Investment, Trade and Industry Minister Tengku Datuk Seri Zafrul Aziz.

He noted that Malaysia has maintained its top position in the global Islamic economy indicator rankings for 10 consecutive years, ahead of Saudi Arabia, Indonesia, and the United Arab Emirates.

"Malaysia's strength lies in Islamic finance, halal food, as well as media and recreation. The halal industry constitutes a significant portion of Malaysia's gross domestic product, with projections estimating a 10.8% contribution or RM231bil by 2030. This growth is primarily driven by a robust halal ecosystem across sectors such as food, finance, and travel," he said.

He made the remarks in his officiating speech at the soft launch of the 21st

Malaysia International Halal Showcase (Mihas) 2025, here yesterday. His speech was delivered by deputy secretary-general (Industry) Datuk Hanafi Sakri.

The global demand for halal products is currently valued at over US\$3 trillion and is expected to grow to US\$5 trillion by 2030, underscoring the global appeal of halal's ethical and sustainable attributes.

"Malaysia's leadership in this sector is a testament to our continued innovation and

dedication. Among the major international halal market players are Nestle, Allana Group, Cargill Incorporated and Fraser & Neave.

"I am proud to note that several Malaysian companies such as DagangHalal Group, Prima Quality Food Industries, Kawan Food Bhd, Crescent Foods, QL Foods Sdn Bhd, and Ayamas Food Corp, are also recognised among the top players globally," he said. — Bernama

THE STAR
1 MAY 2025

Tarikh:.....

MACC: Integrity units mandatory for local councils

STAR 2/5

KUALA LUMPUR: All local authorities (PBTs) are required to establish an Integrity Unit (UI) by Aug 31 as part of ongoing efforts to strengthen administrative integrity.

The Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC) said under new measures to streamline the reporting structure, all liaison officers serving in PBTs must now report directly to the UI at the State Secretary's Office, rather

than to the local council president.

"This approach is aimed at enhancing reporting autonomy and governance transparency at the state level," the commission said in a Facebook post yesterday.

It added that the decision was among several resolutions made during the National-level Governance Committee Meeting at the Putrajaya International Convention Centre on Wednesday, Bernama reported.

The meeting, chaired by the Chief Secretary to the Government Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar, also emphasised the importance of complying with the MACC report and stated that the office would send reminders to ministries and state governments that have yet to act on the recommendations made between 2017 and 2021.

In addition, the Public Service Department has been instructed to

review several key sections of the Human Resource Management Services circular, including accepting external sponsorships for smart partnership programmes.

This initiative is part of ongoing policy reforms to enhance transparency and integrity within the public service.

The Finance Ministry has been requested to consider adopting the "Do's and Don'ts" Procurement Implementation Guidelines as an

official reference and to issue them as a circular to be distributed and applied across all agencies.

According to MACC, the office has also reminded all secretaries-general to promptly report any known corruption cases within their respective ministries as a key indicator under the Demerit Performance Evaluation System, in line with Malaysia's aspiration to strengthen its anti-corruption culture.

Egg subsidy cut won't crack prices

Removal unlikely to raise costs for eateries, say traders

By FAZLEENA AZIZ
fazleena@thestar.com.my

PETALING JAYA: The removal of egg subsidies will have almost no impact on the price of omelettes, noodles and pastries, say bakers and restaurateurs, as egg prices have hit the lowest level in recent memory.

"I have never seen the price of eggs this low," said Che Mamat Chemod, a veteran of the local restaurant group, Persatuan Sahabat Tomyam Prihatin Semalaysia.

"So the removal of subsidies will not affect us because we have never had such low egg prices, even in the pre-Covid-19 era," said Che Mamat, the association's adviser.

A tray of eggs in the food production industry is now priced as low as RM9, said Malaysia Bakery,

Biscuit, Confectionery, Mee and Kuey Teow Merchants' Association president Chaang Tuck Cheong.

"Previously, a tray cost us RM16, and this caused a 10% increase in our operating costs," he said.

"So, the 5sen seems reasonable and will not impact our members that much," he said in response to the government's decision to cut subsidies for eggs from 10sen to 5sen per egg and end price controls for the item starting yesterday.

The subsidy will be fully discontinued on Aug 1.

The decision was made after considering the industry's commitment to ensuring a sufficient and stable production of eggs, following the stabilisation of production costs.

However, the Malaysian Indian Restaurant Owners Association



End of the sunny side: A shopper buying eggs at a grocery store. The government's decision to cut subsidies for eggs from 10sen to 5sen per egg and end price controls for the item began yesterday. The subsidy will be fully discontinued on Aug 1. — ART CHEN/The Star

(Primas) is taking a cautious stance regarding the potential impact of the subsidy cut on egg prices, and consequently, on the cost of dishes containing eggs.

Primas president Govindasamy Jayabalan said restaurants would first need to see how much their suppliers charged for ingredients.

"Eggs are a big staple and part of Malaysians' diet, especially during breakfast. We can't decide anything now because we need to

see how much our suppliers will charge before they pass on their costs to us.

"We also don't want to burden the people, which is why we urge the government to continue the subsidy for another year," he said.

"But we also understand that the government has spent billions on the subsidy. So we will do our best for the country and our customers and maintain our prices."

Malaysia imposed ceiling prices for eggs, ranging from 38sen to 42sen each, depending on their grade and quality, in response to elevated prices and a shortage caused by supply chain disruptions resulting from the Covid-19 pandemic.

The government spends about RM100mil per month, or RM1.2bil a year, on the egg subsidy.

Previously, subsidies and price controls for chicken were lifted in November 2023.

THE STAR

1 MAY 2026

Tarikh:.....

'Penduduk rasa tak selamat'

Jalan di taman perumahan jadi laluan utama lori bawa muatan berat

Oleh MOHD IZZATUL IZUAN TAHIR
KLANG

Kira-kira 210 keluarga di Taman Bukit Jati, Kampung Jawa di sini mendakwa tekanan dan bimbang keselamatan diri berikutan jalan di taman perumahan mereka dijadikan laluan utama lori muatan berat yang didakwa terlibat dalam projek pembangunan infrastruktur pengangkutan berhampiran.

Seorang penduduk, Badrul Hisham Abdul Hamid, 64, berkata, laluan di Lorong Bukit Jati 3, 4 dan 5 kini digunakan lori yang menuju ke tapak pembinaan, sekali gus mengancam keselamatan penduduk terutama pada waktu puncak.

"Lori ini mengundang bahaya terutama semasa anak-anak penduduk keluar ke sekolah dengan menunggang basikal, bermotosikal dan berjalan kaki.

"Kehadiran lori-lori besar di laluan sempit ini boleh mengundang bahaya ke-

pada penduduk," katanya dalam sidang akhbar di sini pada Khamis.

Menurutnya, laluan itu tidak sesuai digunakan oleh lori membawa muatan berat kerana merupakan kawasan perumahan dan sepatutnya dikhaskan untuk kenderaan ringan sahaja.

"Selain ancaman kemalangan, lori-lori yang membawa muatan tanah turut menyebabkan gangguan seperti debu berterbangan dan pencemaran udara, menyebabkan rumah menjadi kotor dan kesihatan penduduk juga boleh terjejas," ujarnya.

Khairul Atar Mohd, 57, pula berkata, kehadiran lori-lori terbabit sejak tiga minggu lalu itu sememangnya merimaskan penduduk.

Jelasnya, antara kebimbangan utama penduduk ialah risiko kerosakan struktur rumah akibat getaran disebabkan beban berat dari lori terbabit.

"Kami bimbang rumah akan retak atau rosak jika keadaan ini berterusan dan lebih merisaukan siapa ingin membayar ganti rugi?"

"Kita tak mahu nanti sudah berlaku kemalangan atau rumah retak, baru tindakan diambil dan mendesak perkara ini diselesaikan segera sebelum berlaku sesuatu tidak diinginkan," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Persatuan Penduduk Taman Bukit Jati, Aminudin Mokmin berkata, penduduk berharap pi-



Kehadiran lori-lori besar di laluan sempit dikhuatiri membahayakan nyawa penduduk.

hak berwajib mengambil tindakan segera bagi menghentikan penggunaan laluan perumahan itu sebagai akses ke tapak projek berkenaan.

Ujar beliau, kontraktor projek pembangunan tersebut diminta mencari laluan alternatif yang lebih selamat dan tidak mengganggu kesejahteraan komuniti perumahan berkenaan.

"Saya percaya lori-lori ini melebihi laluan, sedangkan laluan di kawasan ini hanya dibina untuk kenderaan tidak lebih lima tan.

"Kami dapati tiada papan tanda amar-

an, tiada makluman atau SOP (prosedur operasi standard) dipatuhi di lokasi kerja," dakwanya.

Sehubungan itu, beliau turut menggesa Majlis Bandaraya Diraja Klang (MBDK), Pejabat Daerah dan Tanah Klang serta agensi berkaitan termasuk polis supaya segera memanggil syarikat-syarikat terlibat bagi membincangkan pematuan SOP serta meneliti semula kelulusan laluan lori di kawasan perumahan.

Sinar Harian sedang mendapatkan maklum balas daripada MBDK berhubung isu berkenaan.

SINAR HARIAN
1 MAY 2026

Tarikh:

Draco Acip sedang
bangunkan aplikasi,
bercita-cita buka
kedai sendiri

SHAH ALAM

Jika suatu ketika dahulu bidang seperti kedoktoran, kejuruteraan dan pendidikan menjadi pilihan utama, kini semakin ramai anak muda berpendidikan tinggi memilih untuk menceburi bidang yang lebih praktikal dan kreatif seperti menjadi tukang gunting rambut.

Seorang anak muda, Muhammad Musyrif Amni Mohd Nizam, 21, berkata, bidang berkenaan bukan lagi dianggap sebagai kerja biasa, sebaliknya



Muhammad Musyrif Amni atau dikenali sebagai Draco Acip.

diangkat sebagai satu bentuk kesenian yang memerlukan kemahiran halus, kreativiti dan ketelitian tinggi.

Beliau yang memiliki Diploma Perakaunan daripada Kolej Poly-Tech Mara dan kini menyambung pengajian di peringkat Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan Antarabangsa di Universiti Kuala Lumpur (UniKL) berkata, ramai anak muda termasuk graduan universiti menunjukkan minat dalam bidang tersebut yang menjamin pendapatan tetap serta lumayan.

Turut dikenali dengan nama Draco Acip, beliau berkata, kebanyakan mereka sanggup menghadiri kursus gunting rambut, menyertai pertandingan dan berkongsi hasil kerja mereka khususnya di media sosial seperti Instagram, TikTok dan YouTube.

"Malah mereka juga bijak dalam aspek pengurusan, pemasaran dan komunikasi. Dengan pengetahuan dalam bidang perniagaan, mereka boleh mengurus kedai gunting rambut atau *barber shop* dengan lebih sistematik," katanya kepada *Sinar Harian*.

Beliau turut menggunakan teknologi digital untuk urusan tempahan janji temu pelanggan

secara dalam talian serta menjalankan promosi secara kreatif di media sosial.

"Ramai juga sudah berjaya menjenamakan perkhidmatan dengan cara tersendiri.

Ada yang tampil dengan konsep *barber shop* moden atau bertema klasik sehinggalah perkhidmatan gunting rambut bergerak atau *mobile barber*.

"Ini menunjukkan pendidikan tinggi bukan penghalang untuk menceburi bidang ini, sebaliknya menjadi nilai tambah yang sangat berharga," katanya.

Beliau menambah, profesion sebagai tukang gunting rambut juga dianggap bidang yang tahan lama dan sentiasa relevan kerana masyarakat tetap memerlukan khidmat penjagaan diri itu.

Menurutnya, ramai anak muda yang menjadi tukang gunting rambut sudah menjadi usahawan berjaya, malah ada yang membuka lebih daripada satu cawangan.

"Ini sekali gus turut membantu merangsang ekonomi dan juga memberi peluang pekerjaan kepada masyarakat setempat," katanya.

Muhammad Musyrif Amni yakin pendidikan yang ada akan membantunya menguruskan perniagaan dan kewangan dengan baik.

Anak muda pilih profesion gunting rambut

☆ KITA
SELANGOR



Semakin ramai anak muda berpendidikan tinggi memilih menceburi bidang yang lebih praktikal dan kreatif seperti tukang gunting rambut.

"Minat saya bermula dengan memotong rambut rakan-rakan dan kini menjadi sumber pendapatan sampingan saya," katanya yang menanam hasrat untuk mendalami kemahiran menggunting rambut di luar negara.

"Simpanan yang saya ada akan digunakan untuk mengikuti kursus jangka pendek di negara terkenal dengan fesyen rambut seperti Perancis atau London School of Barbering di United Kingdom.

"Ia akan memberikan lebih

keyakinan kepada bakal pelanggan saya nanti," katanya.

Anak muda ini turut bercita-cita membuka kedai sendiri dengan nama Draco Acip Barber selepas selesai pengajiannya kelak.

Muhammad Musyrif Amni juga sedang menyiapkan aplikasi yang membolehkan pelanggan menempah slot menggunting rambut tanpa perlu menunggu lama, selain boleh mengetahui waktu operasi tanpa perlu ke kedai.

SINAR HARIAN

Tarikh:1 MAY 2025.....

Selangor terima kehadiran dua juta pelancong sehingga Mac lalu ^{2/5 hm}

Shah Alam: Selangor menerima hampir dua juta pelancong dari dalam dan luar negara sehingga akhir Mac lalu sempena Tahun Melawat Selangor 2025 (TMS2025) tahun ini.

Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, setakat ini trend kemasukan pengunjung serta pelancong menunjukkan lonjakan.

"Kami percaya trend ini sangat baik, sehingga Mac lalu, kami terima pelan-

cong hampir dua juta sempena TMS2025.

"Saya percaya TMS2025 mencapai sasaran lapan juta pengunjung dan pelancong dalam tempoh beberapa bulan lagi.

"Hari ini (semalam), Selangor Mega Food Fest 2025 menyasarkan 30,000 pengunjung dengan 100 gerai disediakan. Cuti panjang sehingga Ahad, pasti kami dapat melihat trend kedatangan pengunjung semakin meningkat," katanya ke-

tika ditemui dalam sidang media selepas menyempurnakan Flag Off Larian Hari Wanita Antarabangsa sempena TMS2025 di Dataran Kemerdekaan Shah Alam di sini, semalam.

Katanya, program larian anjuran Jawatankuasa Tetap Pembangunan Wanita dan Keluarga serta Jawatankuasa Tetap Pelancongan negeri itu inisiatif yang diadakan serentak dengan Selangor Mega Food Fest 2025 sempena TMS2025.

HARIAN METRO

Tarikh: 1. MAY 2025

Tiga premis makanan diarah tutup serta-merta

Hulu Selangor: Tiga premis makanan di daerah ini diarah tutup serta-merta selepas melanggar pelbagai peraturan kebersihan dan keselamatan.

Operasi di dua lokasi berasingan berkenaan dijalankan Bahagian Inspektorat, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (JPSPPA) Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS) bersama beberapa agensi pada 28 dan 29 April lalu.

MPHS dalam kenyataan memaklumkan, dalam operasi pertama sebanyak enam premis yang beroperasi pada waktu malam diperiksa.

"Hasil pemeriksaan mendapati dua daripadanya diarah tutup selama 14 hari kerana melanggar peraturan.

"Selain itu, sebanyak 23 kompaun kesalahan dikeluarkan membabitkan sembilan kompaun oleh JPSPPA di bawah Undang-Undang Kecil (UUK) Establisymen Makanan 2007, diikuti Jabatan Penguatkuasaan (11 kompaun) dan Jabatan Bangunan (tiga kompaun)," katanya semalam.

Sementara itu, pada operasi kedua, sebuah lagi premis ditutup hasil aduan awam atas pelanggaran kebersihan serius.

HARIAN METRO
1 MAY 2020

Tarikh:

Peralatan tujuh penjaja tanpa kebenaran disita

Hulu Selangor: Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS) menyita peralatan tujuh penjaja di dua lokasi sekitar Bukit Beruntung di sini, kelmarin, selepas didapati berniaga tanpa kebenaran.

MPHS berkata, pihaknya menerusi Jabatan Penguatkuasaan menjalankan operasi di hadapan Sekolah Taman Bunga Raya 2 dan Jalan Bunga Raya 1.

"Di lokasi pertama, lima penjaja diambil tindakan sitaan selepas gagal mematuhi notis am di bawah Undang-Undang Kecil Penjaja (MDHS) 2007 yang dikeluarkan sebelum ini.

"Untuk makluman, akti-

viti menjaja di kawasan berhampiran sekolah tidak dibenarkan sama sekali atas faktor keselamatan dan gangguan kepada persekitaran institusi pendidikan," katanya, semalam.

Sementara itu, di lokasi kedua, MPHS memaklumkan dua penjaja dikenakan tindakan sama.

"Mereka melakukan kesalahan mengikut Seksyen 46(1)(d), Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) kerana meletakkan barangan perniagaan di tempat awam.

"Malah, mereka juga mengingkari notis am supaya mengalihkan barangan sebelum ini," katanya.



ANGGOTA penguat kuasa MPHS menyita peralatan tujuh penjaja yang berniaga tanpa kebenaran di dua lokasi sekitar Bukit Beruntung, Hulu Selangor.

Oleh Muhaamad Razis Ismail
razis@mediaprima.com.my

Kebiasaannya selepas memperoleh kunci, pemilik cenderung melakukan pengubahsuaian dan membuat binaan tambahan atas beberapa sebab termasuk menambah, meluaskan dan mencantikkan sesuatu ruang.

Dalam keterujaan mengubah suai atau membuat binaan tambahan ramai terlepas pandang atau memandang remeh terhadap keperluan untuk memohon kelulusan bertulis daripada pihak berkuasa tempatan (PBT).

Hakikatnya, membuat pengubahsuaian tanpa permohonan adalah satu kesalahan.

Peguaam hartanah, Shahrnita Saharan berkata, perkara ini jelas dinyatakan mengikut Akta 133 (Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974) di bawah peruntukan Seksyen 70(16) yang dimaksudkan dengan bangunan, sambungan dan pindaan tanpa kelulusan ialah sebarang kerja-kerja pembinaan dilakukan tanpa mendapat kelulusan secara bertulis terlebih dahulu daripada PBT.

Bellau berkongsi beberapa kesan dan implikasi mengubah suai dan membuat binaan tambahan atau sambungan kepada struktur bangunan yang asal dan sedia ada tanpa kelulusan bertulis daripada PBT.


1. Pemilik rumah kediaman boleh dikenakan penalti atau denda berkali ganda

Kadar penalti atau denda dikenakan agak tinggi, ada PBT menetapkan kadar denda 10 kali ganda daripada bayaran wang proses permohonan kelulusan pelan ubah suai mengikut jenis rumah namun kadar berkenaan berbeza bergantung kepada PBT yang terbabit. Boleh juga mengakibatkan binaan tambahan dan struktur binaan dibina tanpa kelulusan boleh dirobohkan PBT.

Kedegilan pemilik rumah kediaman meneruskan dan melakukan kerja pembinaan pengubahsuaian tanpa kebenaran dan kelulusan PBT. Seksyen 70(11) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 jelas menyatakan kegagalan mendapatkan kebenaran boleh disabitkan denda tidak lebih RM25,000.00 dan mahkamah boleh memerintahkan untuk mengubah bangunan itu dengan apa-apa cara atau merobohkannya.

ELAK KERJA 'SIA-SIA'

Individu mahu ubah suai rumah perlu mohon kebenaran bertulis PBT untuk elak implikasi undang-undang



PERANCANGAN teliti perlu dilakukan sebelum kerja dimulakan.

Seterusnya Seksyen 70(13)(d) pula menegaskan mana-mana pihak tidak mematuhi sesuatu perintah atau arahan bertulis yang sah di sisi undang-undang daripada pihak berkuasa tempatan atau sesuatu had atau syarat yang dikenakan PBT kepada apa-apa ubah suai boleh disabitkan denda tidak lebih RM50,000.00 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya dan boleh dikenakan denda tambahan RM1000.00 bagi tiap-tiap hari kesalahan itu diteruskan selepas sabitan dan menurut Seksyen 70(14) sekiranya langkah percaraan tidak diambil.

2. Disaman di mahkamah oleh pihak ketiga seperti jiran tetangga

Apabila ada laporan dan aduan pihak ketiga terhadap pemilik kediaman kerana melakukan kerja pengubahsuaian tanpa kebenaran PBT, malah membuang sisa bahan binaan ketika proses ubah suai dilakukan di merata tempat sehingga membahayakan penduduk setempat yang lalu lalang dan menetap di kawasan perumahan berkenaan atau membuat ubah suai yang terlalu kompleks sehingga mengganggu pihak ketiga.

3. Kacau gangguan dan kerosakan kediaman pemilik unit lain

Pemilik kediaman



PENGUBAHSUAIAN tanpa membuat permohonan kepada PBT adalah satu kesalahan.

bagi bangunan bertingkat atau unit strata seperti flat, kondominium dan apartmen boleh disaman di mahkamah atas sebab kacau gangguan kesan ubah suai dan tambahan binaan dilakukan tanpa permit atau kelulusan bertulis daripada PBT dan juga Perbadanan Pengurusan.

Bagi bangunan bertingkat atau unit strata, antara kesan ubah suai tanpa kelulusan PBT yang boleh berlaku adalah kerosakan dan keretakan pada siling, dinding rumah, kebocoran,

limpahan air kumbahan yang menyebabkan bau kumbahan tidak menyenangkan kepada pemilik unit lain yang terkesan akibat pengubahsuaian itu.

4. Gangguan terhadap keselesaan dan keselamatan pihak ketiga

Pengubahsuaian, binaan tambahan atau sambungan kepada struktur bangunan yang asal dan sedia ada pada kediaman berkenaan boleh mendatangkan gangguan kepada pihak ketiga dari segi keselesaan,

membuat kerja ubah suai boleh mengalami tekanan perasaan dan stres kerana tidak selesai.

5. Membahayakan masyarakat sekeliling

Pelanggaran undang-undang yang ketara kerana melakukan pengubahsuaian dan binaan tambahan kepada struktur bangunan sedia ada tanpa kebenaran dan kelulusan PBT tidak hanya membahayakan masyarakat sekeliling semata-mata.

Ia memberi kesan kepada PBT dalam memastikan semua kerja pembangunan selaras dengan Akta Perancangan Bandar dan Desa, 1976 dan Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974.

6. Pemilik akan mengalami kerugian

Pemilik kediaman membuat kerja ubah suai sesuka hati dan bersikap sambil lewa tanpa mendapatkan pandangan pakar seperti melantik kontraktor tidak bertauliah dan tidak berdaftar, tidak membuat semakan terperinci terhadap faktor kawasan sekeliling, kesesuaian ubah suai terhadap jenis rumah malah tidak memohon kelulusan bertulis dari PBT boleh mengalami kerugian.

Ia termasuk kerugian dari segi kos ubah suai dan penambahan yang dilakukan kepada struktur bangunan, malah memberi kesan kepada nilai hartanah. Jika ubah suai seperti ini berlaku, kemungkinan nilai hartanah tidak meningkat dan menyebabkan bangunan sukar dijual sedangkan ubah suai biasanya dilakukan untuk keselesaan ataupun menambah nilai hartanah itu.



PEMILIK berdepan tindakan perundangan di mahkamah.

Beri komitmen terhadap fakta

Oleh Mahani Ishak
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Semua pengamal media sama ada arus perdana atau alternatif perlu mempunyai keber-tanggungjawaban terhadap penyampaian serta bersa-ma memupuk masyarakat ke arah pembinaan negara bangsa.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, peredaran masa menyaksikan media me-ngalami perubahan seperti dunia berubah kerana pe-rubahan iklim.

"Media baharu menguasai kehi-dupan apabila semua orang terlebih dulu menerima mak-lumat dari me-dia sosial tanpa diketahu kesahi-hannya.

"Meskipun media ba-haru itu jadi perkara biasa, tetapi kemunculannya memberi kesan langsung dan tidak langsung dan media kini semakin men-cabar apabila wujud media bebas yang bukan lagi di-kuasai sumber sahih.

"Terbaharu media seum-pama itu muncul melapor-kan perkembangan kes (in-siden letupan paip gas) Pu-tra Heights serta lain-lain liputan pilihan raya yang mana ahli politik tidak ter-kecuali menjadi titik tum-puan," katanya ketika hadir Majlis Apresiasi Menteri Besar Selangor bersama media di sebuah hotel di sini, kelmarin.

Majlis diserikan dengan kehadiran Menteri Komu-nikasi, Datuk Fahmi Fadzil.

Turut hadir, Pengarang Kumpulan Berita dan Hal Ehwal Semasa (NCA) Rang-kaihan Televisyen, Azhari Muhidin; Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Media Pri-ma Audio (MPA), Nazri No-ran; Timbalan Pengarang Urusan Kumpulan (DGME) Media Prima merangkap Ketua Pengarang Kumpu-lan New Straits Times (NST), Farrah Naz Abd Ka-rim.

Selain itu, majlis dihadiri Pengarang Kumpulan (GE) Berita Harian (BH), Zulkifli Jalil dan Pengarang Kum-pulan Harian Metro, Hu-sain Jahit.

Dalam pada itu, Amirudin berka-ta, pada masa ini, media dan kerajaan ber-a-da atas lan-dasan sama yang mana kecurigaan awam semakin meningkat.

"Kerajaan dan me-dia bukan lagi jadi rujukan utama. Orang ramai mem-buat rujukan berdasarkan maklumat di atas platform media sosial atau yang per-nah diperkatakan bekas Presiden Amerika Syarikat, Barack Obama sebagai *the social media noise*.

"Perkara ini menjadi le-bih ketara dan penting da-lam detik dan waktu kri-tikal seperti krisis misalnya banjir, kebakaran paip gas (Putra Heights), Covid-19 ataupun kejadian tanah runtuh pada 2022 di Batang Kali," katanya.

Beliau berkata, beliau bu-kan ingin mengatakan ke-rajaan dan media perlu berada dalam kapal sama, tetapi berlandaskan kepada *The Fourth Estate*.



AMIRUDIN (dua dari kanan) bersama (dari kiri) Husain, Nazri, Farrah Naz dan Azhari pada Majlis Apresiasi Menteri Besar Selangor bersama media. - Gambar NSTP/ASYRAF HAMZAH

"Komitmen saya terha-dap *The Fourth Estate* ada-lah ketara dan saya tidak berkompromi langsung terhadap kepentingan itu.

"Pada masa sama, komit-men kepada kebenaran, *the commitment and sanctity towards facts*, itu menjadi fokus dan komitmen ber-sama kerajaan mahupun media untuk memastikan fabrik sosial masyarakat kekal stabil terutama yang berbilang fahaman dan bu-daya seperti di Selangor dan negara ini," katanya.

Katanya, perubahan me-dia sosial kepada saluran rasmi berbanding zaman dulu bukan datang secara begitu saja.

"Baru-baru ini saya ter-baca satu judul oleh Tobias Rose Stockwell dan beliau menyimpulkan media so-sial zaman sekarang men-jadi satu *Outrage Machine*, satu alat untuk meningkat-

kan keresahan dan ketidak-tentuan dalam minda dan perasaan rakyat.

"Ini mengingatkan saya terhadap karya terbaru Jo-

nathan Haidt apabila beliau menukilkan *The Anxious Generation* dan dalam buku itu, beliau mendapati ge-nerasi Z dan Alpha adalah

kumpulan amat berbeza daripada generasi lain," ka-tanya.

Beliau berkata, individu yang lahir selepas 1998 membesar bukan dalam komuniti, tetapi dalam sa-tu alam maya iaitu *in a virtual world*.

"Media sosial yang me-ngalami ledakan pertama pada 2008 menerusi Twitter dan Facebook (FB) menjadi opsyen baharu sa-luran maklumat dan men-cabar media konvensional.

"Hari ini, dengan pla-tform seperti Instagram, YouTube, TikTok, setiap in-dividu jadi satu penghasil maklumat. Sahih atau tidak belum tentu, tetapi *attention sells and negative atten-tion sells positively*.

"Perkara ini yang perlu kita sedar sebagai cabaran dan peluang untuk ber-adaptasi demi kelangsun-gan media sebagai *The Fourth Estate* serta kerajaan untuk mentadbir dengan stabil serta aman," katanya.

HARIAN METRO

Tarikh:1 MAY 2025.....

Semua PBT diwajibkan tubuh Unit Integriti paling lewat 31 Ogos 2/5/24

Langkah kukuh autonomi pelaporan, tingkat ketelusan pentadbiran

Kuala Lumpur: Semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) diwajibkan menubuhkan Unit Integriti (UI) selewat-lewatnya 31 Ogos ini sebagai sebahagian daripada usaha menyeluruh mem-

perkukuh integriti pentadbiran.

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dalam kenyataan, semalam, memaklumkan bahawa, sebagai langkah memperkemas struktur pelaporan, semua pegawai penghujung (LO) di PBT kini dikehendaki melapor terus kepada UI di Pejabat Setiausaha Kerajaan (SUK) negeri dan bukan lagi kepada yang dipertua.

"Pendekatan ini bertujuan mengukuhkan autonomi pelaporan serta meningkatkan ketelusan urus tadbir integriti di peringkat negeri," menurut kenyataan itu yang dikongsi menerusi la-

man rasmi Facebook SPRM.

SPRM memaklumkan, perkara itu merupakan antara keputusan yang dicapai dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tatakelola (JTK) Peringkat Nasional yang berlangsung di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), kelmarin.

Pematuhan Laporan SPRM

Mesyuarat yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara (KSN), Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar, turut menekankan keperluan pematuhan terhadap Laporan SPRM (LSPRM), dengan Pejabat KSN akan mengeluarkan surat peringatan ke-

pada Kementerian dan kerajaan negeri yang masih belum mengambil tindakan susulan terhadap syor yang dikemukakan bagi 2017 hingga 2021.

Selain itu, Jabatan Perkhidmatan Awam diarahkan menyemak semula beberapa bahagian penting dalam Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (MyPPSM), termasuk perkara berkaitan penerimaan tajaan pihak luar untuk program kerjasama pintar, sebagai langkah penambahbaikan dasar agar lebih telus dan berintegriti.

Kementerian Kewangan pula diminta mempertimbangkan garis panduan *Do's and Don'ts* Pe-

laksanaan Perolehan yang disediakan oleh Urus Setia JTK Peringkat Nasional untuk dijadikan rujukan rasmi, digubal sebagai pekeling dan diedarkan ke semua agensi untuk digunakan pakai secara menyeluruh.

Menurut SPRM, KSN turut mengingatkan semua ketua setiausaha (KSU) agar segera melaporkan sebarang kes rasuah yang diketahui di Kementerian masing-masing kerana ia merupakan satu daripada indikator penting dalam Sistem Penilaian Prestasi Demerit (DEEP), sejajar dengan aspirasi Malaysia untuk memperkukuh budaya antirasuah.

BERNAMA

KESUMA rancang buka 3 Pusat Sehati Perkhidmatan Pekerja

Projek perintis selari visi reformasikan tatakelola kerajaan

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi dan Mahani Ishak
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) akan membuka tiga Pusat Sehati Perkhidmatan Pekerja sebagai pusat rujukan dan pumudah cara kepada golongan pekerja mendapatkan perkhidmatan berkaitan isu perburuhan. Menteri Sumber Manusia, Ste-

ven Sim, berkata sebagai projek perintis tiga pusat sehati perkhidmatan pekerja itu akan dibuka di Pulau Pinang, Lembah Klang dan Johor Bahru.

Beliau berkata, penubuhan pusat sehati di bawah satu bumbung itu selari dengan visi Perdana Menteri untuk reformasi tatakelola kerajaan.

"Sebagai permulaan, Jabatan Tenaga Kerja, Jabatan Perhubungan Perusahaan, Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja, PERKESO, Myfuturejobs, HRD Corp dan Talent Corp akan dipertanggungjawabkan menyediakan khidmat mereka di pusat sehati ini," katanya.

Beliau berkata demikian selepas majlis perasmian Sambutan Hari Pekerja 2025 Peringkat Kebangsaan di Axiata Arena, Bukit Jalil di sini, semalam.

Sim berkata, KESUMA juga

akan menggandakan usaha pada tahun ini demi mencapai misi strategik 3K iaitu Kebajikan, Kemahiran dan Keberhasilan pekerja.

Reformasikan pasaran buruh

"Matlamat reformasi pasaran buruh melalui misi strategik 3K itu akan terus dicapai melalui kerangka reformasi 4P iaitu perundangan, polisi, proses dan prasarana.

"Pada tahun ini juga, HRD Corp akan membenarkan majikan menggunakan levi mereka untuk menggaji pekerja kalangan siswazah.

"Langkah ini bukan sahaja memberikan insentif kepada majikan untuk mengambil siswazah bekerja, sekali gus memberikan peluang latihan kemahiran *on the job* kepada siswazah, tetapi akan mengurangkan

bebanan majikan," katanya.

Selain itu, Sim berkata, Kerajaan MADANI memperuntukkan RM200 juta untuk melaksanakan Dasar Gaji Progresif selepas gaji penjawat awam dan gaji minimum dinaikkan.

Beliau berkata, peruntukan itu bermatlamat memacu pertumbuhan gaji dengan lebih pantas, khususnya dalam kalangan pekerja di sektor perusahaan kecil dan sederhana (SME).

"Dijangka 50,000 pekerja akan mendapat manfaat peningkatan gaji itu.

"Setakat ini, hampir 5,000 pekerja yang menikmati gaji lebih tinggi melalui penyertaan dalam program ini," katanya.

Pada masa sama, Sim berkata, bagi memastikan pekerja negara ini dilengkapi dengan kemahiran yang sepadan keperluan industri, KESUMA akan berusaha

bersungguh-sungguh untuk menaik taraf program latihan kemahiran.

"Sebagai contoh, Jabatan Tenaga Manusia (JTM) bekerjasama dengan PROTON menaik taraf Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) Melaka kepada *Proton Institute of Advanced Automotive Tech* dan juga bekerjasama dengan Huawei untuk menubuhkan Huawei Learning Centre di Institut Latihan Perindustrian Kuala Lumpur.

"Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006 juga akan dipinda membolehkan pengiktirafan kemahiran menjangkau Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 5 kepada Tahap Pakar, Tahap Pakar Kanan dan Tahap Pakar Perunding Kemahiran, sekali gus menjadikan sektor latihan kemahiran lebih berdaya saing," katanya.

Ketelusan perlindungan alam sekitar jayakan teknologi berkaitan karbon



Timbalan Pengarah,
Solar Research
Institute, Universiti
Teknologi MARA
(UiTM)

Oleh Prof Madya Dr Azlin Mohd Azmi
bhrencana@bh.com.my

Rang Undang-Undang Penangkapan, Penggunaan dan Penyimpanan Karbon (RUU CCUS) 2025 yang diluluskan Parli-

men mencatatkan sejarah penting dalam perjalanan dasar iklim di negara ini. Di bawah RUU ini, sebuah agensi CCUS akan ditubuhkan yang bertanggungjawab menyelia operasi penangkapan, pelesenan, penyuntikan, penyimpanan dan penutupan tapak berkaitan dengan karbon.

RUU ini menyokong dasar tenaga dan iklim Malaysia yang lebih luas, memandangkan CCUS ditonjolkan secara jelas

sebagai antara teknologi utama dalam Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR) dan Pelan Induk Perindustrian Baharu (NIMP) 2030.

CCUS merujuk kepada teknologi menangkap pelepasan karbon dioksida daripada kemudahan perindustrian atau loji jana kuasa sebelum dilepaskan ke atmosfera.

Gas ini disimpan secara kekal dalam formasi geologi yang dalam atau digunakan dalam proses pemuliharaan minyak, pengeluaran bahan kimia, pembuatan bahan binaan dan penghasilan bahan api sintetik.

Kerajaan mengunjurkan ekonomi CCUS boleh menjana sehingga 200,000 pekerjaan merentasi rantai nilai, daripada pembinaan, operasi, pengangkutan dan pemantauan.

Secara strategik, Malaysia berhasrat memanfaatkan kepakaran dalam industri minyak dan gas serta rangkaian infrastruktur paip yang luas, bagi memposisikan negara sebagai hab CCUS serantau.

Minat pelaburan kukuh dari Jepun dan Korea

Selatan menambahkan lagi keyakinan terhadap usaha ini.

Teknologi ini turut dianggap penting bagi NETR yang menetapkan gas asli sebagai bahan api peralihan utama hingga 2050. Bagi menguruskan pelepasan karbon daripada industri berat seperti keluli, simen dan jana kuasa gas, CCUS menjadi penyelesaian untuk sektor pelepasan sukar dikurangkan.

Pada peringkat global, projek CCUS menunjukkan pencapaian berbeza. Projek Sleipner di Norway beroperasi sejak 1996, sering disebut sebagai model berjaya, menyuntik lebih 20 juta tan karbon dioksida tanpa insiden serius, meskipun terdapat laporan mengingatkan pelabur terhadap cabaran teknikal dan ekonomi.

Sebaliknya, projek Gorgon oleh Chevron di Australia Barat, iaitu projek penangkapan dan penyimpanan karbon (CCS) terbesar di dunia, gagal mencapai sasarannya untuk menangkap 80 peratus karbon dioksida secara konsisten, sebaliknya hanya sekitar 30 peratus untuk lima tahun pertama beroperasi.

Diakui, teknologi CCUS bukanlah tanpa cabaran. Kebocoran gas berkepekatan tinggi dari saluran paip dan tapak penyimpanan boleh mengancam keselamatan.

Suntikan bawah tanah membawa risiko seismik, terutama di kawasan tektonik aktif. Pembendungan tidak sempurna boleh menyebabkan pencemaran air bawah tanah.

RUU perlu perundingan awam

Terdapat juga kebimbangan RUU itu diluluskan tanpa perundingan awam meluas atau perbahasan Parlimen menyeluruh, sekali gus menimbulkan persoalan berkaitan ketelusan dan akauntabiliti.

Pemerhati global juga bimbang Malaysia berisiko menjadi 'tapak pembuangan' karbon daripada

pelepasan negara asing sekiranya perlindungan dan penguatkuasaan jangka panjang tidak dilaksanakan dengan tegas.

Menurut Laporan Penilaian Keenam IPCC (AR6, 2022), CCUS dalam sektor tenaga dan perindustrian adalah antara pilihan pengurangan pelepasan paling mahal, dengan kos pengurangan marginal tinggi, iaitu AS\$50 (RM216) hingga AS\$100 (RM432) setiap tan karbon dioksida setara dengan ketidakpastian tinggi.

Ini jauh lebih tinggi berbanding tenaga boleh diperbaharui seperti angin dan solar, yang hanya memerlukan kos sehingga AS\$80 (RM345) setiap tan karbon dioksida setara.

Microsoft baru-baru ini mengumumkan CCS bernilai AS\$800 juta (RM3.5 bilion) di Baton Rouge, Louisiana, yang menyasarkan penyimpanan 6.75 juta tan karbon dioksida selama 15 tahun.

Ini diterjemahkan kepada melebihi AS\$100 (RM432) bagi setiap tan karbon dioksida, mengukuhkan bukti CCUS kekal sebagai teknologi mitigasi termahal.

Secara umumnya, RUU ini menetapkan asas kepada potensi pembangunan ekosistem pengurusan karbon yang transformatif. Bagaimanapun, CCUS perlu dilihat hanya sebagai alat pelengkap, bukan pengganti kepada pelaburan dalam tenaga solar, tenaga angin dan inisiatif kecekapan tenaga yang terbukti sebagai teknologi mitigasi berkesan.

Tugas sebenar kini bermula bagi memastikan ketelusan, membina kapasiti teknikal, menguatkuasakan perlindungan alam sekitar dan mengekalkan kepercayaan orang ramai, agar tidak mengulangi kegagalan pernah berlaku pada peringkat global.

Semoga Malaysia memulakan lembaran baharu ini dengan dipacu gabungan inovasi, integriti dan ketelusan yang tinggi.

Persekitaran organisasi perlu kembangkan potensi pekerja

Syed Azman Syed Ismail,
Pelajar pascasiswazah,
Fakulti Pendidikan,
Universiti Kebangsaan
Malaysia

Kepemimpinan berkesan bukan hanya diukur melalui arahan yang diberi atau keputusan dibuat, sebaliknya melalui kesan ditinggalkan kepada individu dan organisasi.

Ini kerana golongan itu menjadi nadi kepada hala tuju, budaya kerja dan semangat pekerja, sekali gus

memerlukan seseorang pemimpin mempunyai kebijaksanaan, empati dan kematangan dalam membuat keputusan membabitkan insan di bawah kepemimpinannya.

Peranan utama pemimpin ialah mencorakkan struktur kerja jelas dan tersusun. Organisasi berfungsi secara terancang membolehkan warga kerja memahami peranan masing-masing serta tahu bagaimana memberikan sumbangan untuk menyokong matlamat keseluruhan organisasi.

Struktur kabur bukan sahaja menimbulkan kekeliruan, bahkan menjejaskan semangat kerja dan mewujudkan perasaan tidak dihargai staf. Justeru, pemimpin perlu sentiasa peka terhadap keperluan memperkemas struktur berkenaan demi memastikan keselarasan tugas dan kejelasan hala tuju.

Aspek penilaian prestasi juga menjadi cabaran penting bagi pemimpin. Penilaian bukan sekadar memberikan markah tahunan, tetapi mencerminkan pengiktirafan terhadap usaha, pencapaian dan komitmen pekerja.

Sistem penilaian tidak telus atau berat sebelah boleh menghakik kepercayaan serta membunuh semangat pekerja yang sebelum itu begitu berdedikasi.

Apabila penilaian dilakukan adil dan terbuka, ia mampu membina kepercayaan serta meningkatkan motivasi warga organisasi.

Kepemimpinan juga membabitkan seni menyampaikan maklum balas secara berhemah. Teguran membina, apabila disampaikan penuh hikmah dan niat membantu, ia mampu menyemarakkan semangat memperbaiki diri.

Pekerja lebih terbuka menerima pandangan apabila tahu niat pemimpin adalah untuk membimbing, bukan menjatuhkan. Pemimpin perlu

memahami latar belakang, beban tugas dan kekuatan serta kelemahan individu sebelum memberikan komen atau teguran.

Cungkil, pupuk potensi warga kerja

Pemimpin juga bertanggungjawab mencungkil dan memupuk potensi warga kerja. Ramai pekerja mempunyai kelebihan dan bakat belum dikenal pasti.

Individu peka akan mampu mengenal pasti potensi tersembunyi dan memberikan ruang serta sokongan untuk berkembang. Ini boleh dilakukan melalui pengagihan tugas yang mencabar, penyerahan dalam latihan pembangunan profesional atau sekadar memberi peluang mengetuai satu pasukan kerja kecil.

Pekerja yang diberi kepercayaan akan lebih berani mencuba dan menunjukkan kemampuan sebenar.

Organisasi berjaya juga meraikan sumbangan setiap individu. Pekerja yang berasa dihargai dan didengar akan memberi komitmen tinggi serta menyumbang sepenuh hati.

Kepemimpinan membina bukan berpaksikan kuasa atau kawalan, tetapi berdasarkan hubungan dibina melalui kepercayaan, komunikasi

terbuka dan rasa tanggungjawab bersama.

Dalam realiti penuh cabaran dan berubah, gaya kepemimpinan tradisional terlalu berpusatkan kawalan semakin tidak relevan. Pemimpin perlu lebih fleksibel, terbuka kepada pandangan baharu dan sentiasa bersedia menyesuaikan diri dengan perubahan.

Kepemimpinan berasaskan nilai empati, pembabitkan aktif dan pemikiran strategik jauh lebih berkesan dalam mengekalkan motivasi serta kesetiaan pekerja.

Kepemimpinan juga perlu dilihat sebagai proses pembelajaran berterusan. Pemimpin tidak semestinya tahu semua perkara, tetapi perlu bersedia untuk belajar, bertanya dan mendengar.

Sifat rendah diri dalam kepemimpinan bukan kelemahan, tetapi kekuatan menghubungkan golongan itu dengan pasukannya secara lebih tulus dan berkesan.

Kesimpulannya, kepemimpinan bukan sekadar satu peranan atau gelaran, tetapi amanah yang membawa impak jangka panjang kepada manusia dan organisasi. Seorang pemimpin yang membina mampu menjadikan tempat kerja sebagai medan pengembangan potensi, bukan sekadar ruang mencari rezeki.



Asakan teknologi, digitalisasi cabaran baharu pekerja

P Mohan,
Ipoh, Perak

Tarikh 1 Mei setiap tahun disambut sebagai Hari Pekerja bagi memperingati dan menghargai sumbangan besar pekerja kepada pembangunan, pertumbuhan ekonomi dan kemakmuran negara.

Tanpa pekerja, apalah yang dapat dibanggakan dengan segala institusi, pejabat, kilang, kedai, premis dan segala jenis rangkaian pekerjaan, sama ada mahir atau separuh mahir.

Sambutan ini tidak seharusnya menjadi acara simbolik semata-mata, sebaliknya medan menilai cabaran semasa dan masa depan dihadapi golongan pekerja pada era globalisasi, digitalisasi dan ketidaktentuan ekonomi dunia.

Pekerja masa kini berhadapan pelbagai cabaran seperti peningkatan kos sara hidup, persaingan pekerjaan akibat automasi dan kemunculan kecerdasan buatan (AI), menuntut mereka beradaptasi dengan kemahiran baharu yang lebih relevan.

Pekerjaan yang sebelum ini terjamin, selamat

dan bertahan lama, kini sudah tidak begitu selamat kerana terdedah kepada risiko digantikan teknologi. Sebab itu pekerja hari ini semakin bimbang dengan masa depan mereka, terutama yang berada dalam sektor tradisional dan separuh mahir.

Sedia hadapi cabaran masa hadapan

Kita mengharapkan kerajaan melaksanakan pendekatan holistik untuk memastikan pekerja lebih bersedia menghadapi cabaran masa hadapan yang tidak menentu.

Salah satu langkah penting ialah memperkuatkan Pendidikan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET). TVET berkualiti, relevan dan berpaksikan industri diakui mampu melahirkan tenaga kerja mahir yang bukan sahaja memenuhi keperluan pasaran tempatan, malah mampu bersaing di peringkat global.

Asakan digitalisasi pula memerlukan pekerja

profesional dan separa profesional menguasai kemahiran digital. Maka, kerajaan dan swasta perlu berganding bahu menyediakan platform latihan semula serta peningkatan kemahiran.

Namun, generasi muda hari ini mungkin belum dapat 'melihat' realiti dan cabaran pekerjaan pada masa depan. Mereka yang sudah berada suku abad dalam dunia pekerjaan sedang mengharungi keperitan hari ini, tetapi sukar menjelaskan kepada 'budak sekarang' betapa 'kerasnya' hidup pada zaman digital ini dan pada masa sama, perlu mencari keseimbangan antara kehidupan dan kerjaya.

Pekerja amat mengharapkan majikan memahami rintangan hidup serba baharu, menanti kenaikan gaji progresif demi menyara hidup diri sendiri dan keluarga.

Harapan pekerja, raikan hari istimewa ini dengan memastikan hak kami sebagai pekerja terus dipelihara dan masa depan dilindungi dalam landskap pekerjaan yang kian mencabar.

Bukit digondol, penduduk merana

- Kegiatan tidak terkawal punca banjir lumpur
- Lebih 200 penduduk sering terperangkap

Oleh MOHD. YUNUS YAKKUB
1/5

KLANG - Kegiatan penggondolan tanah secara tidak terkawal di Bukit Payung, Kapar di sini, menyebabkan penduduk di kawasan itu hidup merana apabila lebih 50 buah rumah sering dilanda banjir lumpur sejak 10 tahun lalu.

Banjir itu juga menyebabkan lebih 200 penduduk sering terperangkap apabila laluan utama dinaiki air setinggi paras pinggang.

Kerja-kerja korek tanah di kawasan bukit itu dikatakan untuk keperluan projek pembinaan di sekitar Lembah Klang.

Seorang penduduk, Nazri Sukir, 60, mengakui telah letih berdepan situasi banjir lumpur yang tiada kesudahan sehingga membuatkan tidurnya tidak lena terutama ketika hujan lebat.

Kata Nazri, rumahnya pernah dinaiki banjir setinggi 0.4 meter dengan dipenuhi lumpur.

"Jika hujan lebat dalam tempoh sejam hujan, air mula naik dan kemudian banjir. Lebih 10 tahun tanggung derita dan ia lebih kerap dalam tiga tahun ini akibat perubahan cuaca.

"Sistem peparitan yang mampu beroperasi cuma satu sahaja, tambahan pula kedudukan rumah kami di kawasan rendah," katanya ketika ditemui baru-baru ini.

Menurutnya, penggondolan tanah di kawasan persendirian itu menyebabkan bukit tersebut

ISU SETEMPAT



KEADAAN banjir lumpur di kawasan rumah penduduk di Bukit Payung, Kapar baru-baru ini.



SEBUAH van penduduk yang tersangkut di laluan utama selepas dinaiki air di Bukit Payung, Kapar pada minggu lalu.

tidak mampu berfungsi sebagai zon penampungan air yang baik.

"Kalau banjir lumpur, perlukan empat jam untuk membersihkannya. Banyak barang rumah telah rosak sebelum ini," ujarnya.

Seorang lagi penduduk, Mat Zain Sahli, 63, berkata, sekiranya laluan utama dinaiki air, dia akan membantu menghantar pelajar-pelajar ke sekolah menggunakan kenderaan pacuan empat roda.

"Nak tunggu air surut lama, kadangkala perlu mengambil masa sehingga tiga jam. Apabila sudah surut, penuh dengan lumpur pula.

"Laluan air baharu perlu ada kerana ketika ini ia 'terpotong' dan melencong ke kawasan kebun. Keadaan itu juga membuat air termenung," ujarnya.

Ahli Dewan Undangan Negeri

Sementa, Noor Najhan Mohamad Salleh menegaskan, Pejabat Daerah dan Tanah Klang telah maklumkan bahawa tiada permit lagi untuk kerja-kerja korekan tanah merah pada tahun ini.

"Apabila saya turun padang dan penduduk nampak sendiri masih ada lagi lori yang turun naik bawa tanah merah dari bukit tersebut.

"Pegawai Daerah Klang memaklumkan bahawa pihaknya menghadapi kekangan anggota penguat kuasa.

"Isu banjir sudah lama. Cuma bagi saya sebagai wakil rakyat, kalau ada kecuai manusia, maka perlu diperbetulkan. Kalau benda itu di luar kawalan kita, maka perlu reda. Namun buat masa ini, masih ada ruang-ruang kita perlu baiki," katanya.

KOSMO

Tarikh: 1 MAY 2025

Sejuta ahli dapat diskaun hingga 30%

- Kerajaan perkenal Kad Pekerja Madani
- Lebih 100 syarikat sertai program

Oleh NUR ALWANI ZAFIRAH
KHAIRUL

KUALA LUMPUR – Perdana Menteri semalam mengumumkan pelancaran Kad Pekerja Madani yang memberi diskaun sehingga 30 peratus kepada lebih 1 juta ahli kesatuan sekerja di seluruh negara.

Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, pemegang Kad Pekerja Madani layak menikmati diskaun menerusi lebih 100 syarikat barangan keperluan dan perkhidmatan yang menyertai program itu.

Antara syarikat berkenaan termasuk pasar raya dan jenama popular seperti AEON, Mydin, Jakel, Marrybrown, Genting, Old Town White Coffee, Zuss Coffee, SOCAR dan Bateriku.

"Inisiatif ini bukan sahaja tanda penghargaan kepada tenaga kerja negara, tetapi juga sebahagian daripada usaha kerajaan untuk membina ekonomi yang



ANWAR (tengah) bergambar bersama warga kerja pelbagai sektor yang hadir pada Sambutan Hari Pekerja 2025 peringkat kebangsaan di Axiata Arena, Bukit Jalil, Kuala Lumpur semalam. – AMIR KHALID

lebih inklusif dan sejahtera untuk semua.

"Kad Pekerja Madani untuk memberikan ruang kepada siapa saja ahli kesatuan yang ada kad pekerja diberikan diskaun dalam kemudahan-kemudahan di seluruh negara," katanya ketika menyampaikan Amanat Hari Pekerja sempena Sambutan Hari Pekerja 2025 di Axiata Arena, Bukit Jalil di sini semalam.

Bertemakan 'Pekerja Kesuma Bangsa', sambutan tahun ini dihadiri lebih 10,000 warga kerja pelbagai sektor daripada agensi awam dan swasta.

Perdana Menteri turut mengumumkan penubuhan Pusat Sehati Perkhidmatan Pekerja di tiga negeri iaitu Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Johor.

Katanya, pusat itu akan menyatukan pelbagai perkhidmatan berkaitan buruh di bawah satu bumbung bagi memudahkan akses pekerja serta mempercepatkan penyelesaian isu-isu berkaitan pekerjaan.

"Dengan adanya pusat sehati ini, kita berharap segala urusan pekerja melibatkan agensi-agensi berkaitan dapat dilakukan dengan lebih cekap, pantas dan mesra rakyat," katanya.

KOSMO

1 MAY 2025

Tarikh:



KEADAAN kawasan yang terlibat dengan projek penarahan Bukit Payung yang didakwa sebagai punca banjir kilat sejak 15 tahun lalu di Jeram, Selangor semalam. - UTUSAN/SADDAM YUSOFF

Gondol bukit punca banjir lumpur Bukit Kapar

Oleh MOHAMAD ATHIR ISMAIL
athir.ismail@mediamula.com.my

KLANG: Kira-kira 1,000 penduduk Kampung Bukit Kapar, di sini berdepan masalah banjir lumpur sejak lebih 15 tahun lalu akibat aktiviti pengorekan tanah dan penggondolan Bukit Payung serta Bukit Kerayong.

Aktiviti tersebut menyebabkan lebih 50 rumah kerap dilanda banjir lumpur dan kira-kira 200 lagi terputus hubungan apabila satu-satunya jalan masuk ke kawasan tersebut dilimpahi air sedalam hampir satu meter.

Lebih malang, cuaca hujan sering mencetuskan kebimba-

ngan dalam kalangan penduduk terutama jika hujan selama sejam kerana ia akan menyebabkan limpahan air dari kawasan atas bukit menerusi longkang di hadapan rumah mereka.

Seorang penduduk warga emas, Nasri Sukir, 60 berkata, pada tahun ini rumahnya sudah dua kali dilanda banjir pada ketinggian sehingga empat kaki yang turut meninggalkan kesan lumpur setebal satu inci pada bahagian lantai.

Menurutnya, keadaan itu kerap berlaku dalam tempoh dua tahun kebelakangan dipercayai akibat daripada aktiviti pengorekan tanah yang berterusan.

"Baru-baru ini kerap hujan pada awal pagi. Malah, hujan yang bertembung dengan air pasang baru-baru ini mencetuskan banjir dengan membawa sekali lumpur tanah merah. Banjir mencecah lebih empat kaki. Perabot dan barangan elektrik kerap rosak.

"Bila hujan awal pagi memang kami terpaksa berjaga kerana bimbang banjir. Kebanyakan penduduk juga memasang penghadang air pada pintu dan tingkap untuk mengelak rumah daripada dimasuki air, namun tidak melegakan kerisauan," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia*.

Pada 4 Jun tahun lalu, *Utusan Malaysia* melaporkan lebih

5,000 penduduk di kampung, dua daripadanya terletak di Kapar menanggung risiko banjir lumpur berikutan Bukit Kerayong, Bukit Payung dan Bukit Cherakah yang ditarah.

Aktiviti tersebut dibuat untuk diambil tanah bagi tujuan penambakan dan pembinaan kilang di kawasan berhampiran.

Malah, keadaan bukit-bukit yang 'botak' itu boleh dilihat melalui Jalan Meru Tambahan dari arah Puncak Alam dan Jalan Bukit Cerakah serta Jalan Bukit Kerayong berdekatan Lebuhraya Pesisiran Pantai Barat (WCE) di Kapar.



VAN sekolah milik Mohd. Radzi Mohd. Rashid yang hangus terbakar dalam kejadian letupan paip gas di Kampung Kuala Sungai Baru, Subang Jaya, Selangor. - UTUSAN/AFIQ RAZALI

Pengusaha bas sekolah rugi hampir RM1 juta

Oleh **HANAFI ZULKEFLI**
utusannews@mediamulia.com.my

SUBANG JAYA: "Usaha 20 tahun saya musnah sekelip mata."

Itu luahan seorang pengusaha bas sekolah dan perkhidmatan khemah, Mohd. Radzi Mohd. Rashid, 43, apabila seluruh kediaman dan aset perniagaannya musnah dalam tragedi letupan paip gas di Kampung Kuala Sungai Baru, Putra Heights di sini, bulan lalu.

Mohd. Radzi berkata, beliau menanggung kerugian dianggarkan hampir RM1 juta selepas tiga bas sekolah, tiga van, beberapa rumah sewa, sistem pendawaian kediaman serta peralatan perniagaan hangus terbakar dalam kejadian itu.

"Rumah saya musnah keseluruhan. Tiada satu pun dapat diselamatkan. Bas, sekolah, van semua musnah. Rumah sewa empat unit habis terbakar. Saya juga masih belum sembuh sepe-

nuhnya kerana lengan kanan melecur tahap tiga, muka pun terjejas," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia*.

Radzi yang sebelum ini menetap di Lot 5 Kampung Kuala Sungai Baru kini menyewa di lot 43 kampung sama buat sementara waktu.

Katanya, perniagaan yang diusahakan lebih dua dekad itu pada asalnya diwarisi daripada bapa dan menjadi punca rezeki utama keluarganya termasuk beberapa pekerja tempatan.

"Saya tidak dapat menjana sebarang pendapatan sekarang. Hendak pulihkan rumah, hendak baiki pendawaian elektrik, upah tukang, ganti bas dan van, semuanya perlukan belanja besar. Belum masuk lagi peralatan khemah yang musnah," katanya dengan nada sayu.

Tambahnya, kerosakan besar pada aset utama seperti kenderaan dan sistem pendawaian menjadi faktor utama nilai keru-

gian mencecah angka jutaan ringgit.

"Ini bukan kerosakan kecil. Satu rumah pun kos baik pulih boleh cecah ratusan ribu ringgit. Kalau ada wayar hangus, tukar semula. Bas dan van pula bukan murah, itu semua perlukan insurans dan servis khas," ujarnya.

Dalam pada itu, seorang lagi penduduk, Mohd. Saifullizam, 40, turut menganggarkan kerugian mencecah RM500,000 selepas dua unit rumahnya yang disewakan musnah sepenuhnya akibat letupan.

"Rumah-rumah ini saya sewakan. Sekarang semuanya musnah, penyewa pun hilang tempat tinggal. Saya sendiri terpaksa menyewa di Shah Alam," katanya.

Tambahnya, letupan itu juga menyebabkan tanah runtuh yang mengambus longkang utama, namun tiada penjelasan lanjut mengenai perparitan dalam pelan baik pulih.

Aktiviti korek tanah tanpa permit

UM
1/5

KLANG: Aktiviti pengorekan tanah di Bukit Payung dan Bukit Kerayong didakwa dilakukan secara haram sejak permit yang diberikan kepada operator oleh pejabat daerah dan tanah (PDT) tamat pada tahun lalu.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sementa, Noor Najhan Mohamad Salleh berkata, isu tarah kedua-dua bukit berkenaan membimbangkan penduduk kerana mencekutkan banjir lumpur ketika hujan lebat.

Menurutnya, permit operator ditamatkan dipercayai selepas aktiviti pengorekan tanah itu memberi kesan sosial kepada penduduk, namun mendakwa pernah mendatangi beberapa operator cuba mendapatkan sokongannya bagi memperolehi permit baharu.

"Permit mereka tamat pada tahun lalu, namun saya tidak memberikan sebarang surat sokongan.

"Bagaimanapun, sehingga hari ini kelihatan ada antara mereka yang masih menarah kedua-dua bukit secara haram untuk membawa keluar tanah bagi kegunaan aktiviti pembinaan di kawasan berhampiran," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Jelasnya, sebelum ini pihaknya pernah menerima aduan berkenaan isu banjir dan difahamkan operator diarahkan untuk membina kolam tadahan.

UTUSAN MALAYSIA
1 MAY 2025

Tarikh:



HASRINA NORDIN

'Buntu anak tanya hendak duduk mana lepas ini'

SUBANG JAYA: "Anak sulung saya sudah tidak mahu balik ke asrama sejak kejadian. Dia masih trauma dan setiap hari telefon saya."

Demikian luahan Hasrina Nordin, 39, suri rumah dari Kampung Kuala Sungai Baru, Putra Heights di sini yang kini berdepan perubahan drastik dalam kehidupan selepas tragedi letupan paip gas yang berlaku sebulan lalu.

Katanya, sejak terpaksa berpindah ke Seksyen 27, Shah Alam, rutin harian berubah sepenuhnya demi memastikan anak-anak terus bersekolah dalam keadaan stabil, termasuk memberi perhatian khusus kepada emosi anak sulungnya, Rafeeq Rizqee, 13, yang tinggal di asrama.

"Dia masih takut. Awal-awal dia langsung tak nak balik ke asrama sebab sedih tinggalkan

kami. Sekarang dia sudah kembali ke asrama di Maahad Integrasi Tahfiz Selangor (MITS), Sabak Bernam, tapi tetap telefon setiap hari untuk bertanya khabar," katanya.

Menurut Hasrina, Rafeeq sering meluahkan rasa rindu terhadap rumah lama dan bimbang dengan keadaan keluarga yang kini menyewa sementara selepas kediaman mereka musnah dalam letupan itu.

"Dia selalu tanya, 'kita hendak duduk mana lepas ini?' dan 'rumah kita sudah pulih sepenuhnya ke belum?'. Saya sendiri tidak ada jawapan yang pasti. Tapi saya cuba kuatkan diri untuk tenangkan dia," ujarnya.

Tambahnya, sebagai seorang ibu, menjadi cabaran besar untuk memulihkan semangat anak-anak sambil menguruskan kehidupan yang serba kekurangan tanpa kemudahan asas.

30 hari selepas letupan, penduduk masih trauma

SUBANG JAYA: Selepas 30 hari berlalu tragedi letupan paip gas di Putra Heights di sini, ia masih meninggalkan kesan mendalam kepada penduduk terjejas.

Majoriti penduduk di Taman Putra Harmoni dan Kampung Kuala Sungai Baru kini bergelut dengan trauma dan mengalami kesukaran dalam proses pemulihan.

Alina Ariffin, 52, mengakui bahawa proses pemulihan selepas insiden bukanlah mudah kerana dia masih bergejut dengan trauma termasuk anak-anaknya.

"Kami masih berusaha untuk menstabilkan kehidupan harian seperti menguruskan kerja, sekolah anak-anak dan memastikan rumah kembali selamat didiami.

"Anak-anak saya antara yang paling terkesan hingga mengganggu mental mereka. Insiden itu membuatkan anak-anak saya sensitif, cemas dan gugup kepada bunyi-bunyi tertentu," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Menurut Alina, dia sekeluarga menerima bantuan sebanyak RM5,000 daripada kerajaan berikutan rumahnya tidak mengalami kemusnahan penuh.

"Beberapa syarikat swasta dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) juga membantu daripada segi bukan kewangan. Malah ada keluarga yang dapat kereta ganti selama sebulan.

"Memang tidak cukup untuk tampung semua kos, tapi kami amat hargai setiap bantuan yang dihulurkan," katanya.

Tambahnya, penduduk masih dibayangi ketakutan dan

trauma akibat kejadian itu, malah bunyi kuat sering mengundang perasaan panik.

"Ketika buat kerja rumah pun kadang-kadang terhenti bila dengar bunyi bising. Fikiran terus teringat balik kepada letupan itu. Bayangkan kalau ia berlaku sekali lagi, entah kami akan selamat atau tidak," katanya.

Alina turut menyatakan kebimbangan mengenai keselamatan kawasan perumahan mereka memandangkan tiada jaminan daripada pihak berkuasa mengenai punca letupan atau langkah pencegahan yang telah diambil.

"Kami diberitahu akan ada taklimat keselamatan sebelum operasi disambung semula, tapi sehingga hari ini tiada tarikh ditetapkan, malah tiada sebarang komunikasi langsung daripada pihak Petronas.

"Isu keselamatan kawasan pun membimbangkan, terutama bila polis sudah mula beransur keluar dan tiada kawalan keselamatan sewaktu kerja pemulihan dijalankan," katanya.

Seorang lagi mangsa, Harib Abu Bakar, 54, berkata, dia sekeluarga terpaksa meninggalkan rumah yang terletak berhampiran kawasan letupan dan berpindah ke perumahan sementara.

"Saya kini perlu keluar lebih awal ke tempat kerja dan ubah keseluruhan jadual harian untuk menghantar serta mengambil anak-anak sekolah," katanya.

Menurut Harib, kesemua rumah sewa di kawasan kampung berhampiran juga telah penuh menyebabkan mereka tiada pilihan selain menyewa di perumahan yang lebih jauh.

UTUSAN MALAYSIA

Tarikh: 1 MAY 2025

1 MAY 2025

Pengangguran negara terendah dalam 10 tahun

Oleh FITRI NIZAM
dan AFIERA KHAIRULAZMI
utusannews@mediamulla.com.my

KUALA LUMPUR: Kadar pengangguran negara mencatatkan penurunan kepada 3.1 peratus, terendah dalam tempoh sejak 10 tahun lalu.

Menteri Sumber Manusia, Steven Sim Chee Keong berkata, penurunan itu disumbangkan oleh peningkatan jumlah pekerjaan dan penyertaan tenaga buruh di pasaran.

Katanya, jumlah pekerjaan meningkat daripada 16.1 juta pada 2013 kepada 17.34 juta tahun ini.

"Ini menunjukkan pemulihan ekonomi yang berterusan serta kejayaan pelbagai inisiatif kerajaan dalam merangsang pasaran kerja," katanya dalam majlis Sambutan Hari Pekerja 2025 yang disempurnakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim di Axiata Arena, Bukit Jalil, di sini, semalam.

Steven Sim berkata, kadar penyertaan tenaga buruh mencatatkan prestasi positif dengan penglibatan 70.6 peratus rakyat dalam pasaran pekerjaan.

Katanya, kadar penyertaan wanita dalam sektor buruh juga meningkat kepada 56 peratus.

"Dalam masa sama, kadar guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran menurun daripada 37.4 peratus pada 2023 kepada 36 peratus," katanya.

Sementara itu, Steven Sim turut menyampaikan Anugerah Hari Pekerja 2025 kepada 13 individu dan organisasi melibatkan pelbagai kategori termasuk pekerja, majikan, kesatuan dan media, yang membawa pulang cek RM10,000 beserta sijil penghargaan.



ANWAR Ibrahim menyampaikan Anugerah Tokoh Pekerja Negara (Orang Kurang Upaya) kepada Dr. Ahmad Shamsuri Muhammad (empat dari kanan) ketika Sambutan Hari Pekerja 2025 peringkat Kebangsaan di Axiata Arena Bukit Jalil, Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/AMIR KHALID

Anugerah Tokoh Pekerja Negara Perkhidmatan Awam (Kumpulan Pengurusan Tertinggi) 2025 diberi kepada Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan (Sektor Operasi Sekolah), Zainal Abas.

Pengarah Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Melaka, Ezlina Alias pula menerima Anugerah Tokoh Pekerja Negara Perkhidmatan Awam (Kumpulan Pengurusan dan Profesional).

Anugerah Tokoh Pekerja Negara Perkhidmatan Awam (Kumpulan Pelaksana) pula dianugerahkan kepada bekas artis budaya Istana Negara, Ramli Lani yang mewakili negara di pelbagai festival antarabangsa serta terlibat dalam lebih 150 produksi teater termasuk Sirah Junjungan dan Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck.

Selain itu, Profesor virologi dari Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Dr. Chee Hui Yee menerima Anugerah Tokoh Pekerja Negara (Eksekutif).

Beliau yang pakar dalam bidang diagnostik molekul dan pembangunan antivirus serta memiliki dua paten hasil inovasi penyelidikannya dan dicalonkan untuk Anugerah Akademik Negara.

Anugerah Tokoh Pekerja Negara (Bukan Eksekutif) pula dirangkul oleh G. Tanaletchumy dari Central Force International Sdn. Bhd. yang memperkenalkan sistem petunjuk prestasi utama (KPI) yang sistematik dan membangunkan program mentorship sejak 2022.

Pensyarah Universiti Malaya (UM), Dr. Ahmad Shamsuri Muhammad menerima Anugerah

Tokoh Pekerja Negara (Orang Kurang Upaya). Beliau juga merupakan penerima Asia University Alliance Scholar Award 2023-2024 serta aktif dalam NGO berkaitan OKU.

Bagi Anugerah Majikan Terbaik Negara (syarikat besar/GLC), anugerah tersebut dimenangi Kulim Technology Park Corporation Sdn. Bhd.

Kategori perusahaan kecil dan sederhana pula dimenangi Schattdecor Sdn. Bhd., syarikat pengeluar filem melamin untuk perabot dan lantai.

Anugerah Kesatuan Sekerja Terbaik Negara (Sektor Awam) dimenangi Kesatuan Guru-Guru Melayu Malaysia Barat (KGMMB) sementara kategori sektor swasta pula dimenangi Kesatuan Pekerja-Pekerja Genting Malaysia Berhad.

UTUSAN MALAYSIA

Tarikh: 1 MAY 2025

Unemployment rate hits decade low at 3.1%

SUP
2/5

BUKIT JALIL: Malaysia's unemployment rate fell to 3.1% in February, the lowest in the past decade, Human Resources Minister Steven Sim announced.

He noted that the number of employed Malaysians rose to 17.34 million by the end of 2024, compared with 16.91 million a year earlier.

"Female participation in the workforce also increased to 56.8%," he said during the 2025 National Labour Day celebration at Axiata Arena yesterday.

The event was attended by Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim, Deputy Prime Ministers Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi and Datuk Seri Fadillah Yusof, along with Chief Secretary to the Government Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar.

Sim also highlighted that for the first time in the nation's history, Malaysia's median monthly wage has surpassed RM3,000 – rising from about RM2,700 to RM3,045.

"Yes, the workers' struggle still has a long way to go, but we cannot deny the victories that have been achieved," he said.

Sim further announced that the government had finalised the draft of the Gig Workers Bill, which is expected to be tabled in Parliament this July.

He said the draft was developed through consultations with about 3,000 stakeholders in the industry.

This year's National Labour Day celebration drew more than 10,000 workers from both the public and private sectors. – by **Ikhwan Zulkaflee**

THE SUN

Tarikh: 1 MAY 2025

Asbestos still in use despite known dangers

► Experts call for nationwide ban, stronger enforcement to protect public from long-term health risks

BY HARITH KAMAL
newsdesk@thesundaily.com

PETALING JAYA: Even two decades after Malaysia banned asbestos in government buildings, the hazardous material remains a silent threat.

Despite its well-documented carcinogenic risks, asbestos continues to be widely used in private construction and industrial sectors.

Experts warn that without urgent, coordinated action, Malaysians – especially those in vulnerable communities – will continue to face life-threatening health consequences.

Even low-level or brief exposure to asbestos can cause severe, irreversible lung damage.

Negeri Sembilan-based Safe Asbestos Sdn Bhd managing director Hisham Yahaya said asbestos is still commonly found in older homes, particularly in ceiling boards and roofing sheets, and remains in use across various industries.

"It is still used in panel boards, insulation and gaskets. The problem is people often do not realise they're being exposed, and even when they do, the cost of proper removal deters them.

"Many simply break it apart and dispose it improperly, which is extremely dangerous."

He added that although safer alternatives such as metal roofing, cellulose fibre boards and modern insulation materials are available, adoption has been slow.

"Industries and small contractors often choose the cheapest option. Without financial support or strict enforcement, they won't change."


International Islamic University Malaysia Department of Community Medicine associate professor Dr Muhammad Zubir Yusof said part of the issue lies in regulatory gaps and inconsistent enforcement.

"Malaysia banned crocidolite asbestos, a particularly dangerous form known for its fine, easily inhaled fibres, in 1999.

"The ban was extended to all government building projects by 2005. But this restriction doesn't apply to the private sector.

"Chrysotile, the most commonly used type, is still allowed in products such as brake pads."

Also an expert in environmental and occupational health and safety research, he added that the continued use of asbestos –



Hisham said asbestos is still commonly found in older homes, particularly in ceiling boards and roofing sheets, and remains in use across various industries. – ADAM AMIR HAMZAH/THESUN

particularly crocidolite – is largely driven by its low cost and durability compared with alternatives such as cellulose fibre cement sheets.

"While crocidolite is especially hazardous, chrysotile also poses significant risks.

"There's no such thing as safe asbestos exposure. Both types can cause long-term health damage."

He called for an immediate nationwide ban on asbestos, but stressed it must be accompanied by effective enforcement.

"We need a trained, certified workforce for asbestos removal, financial incentives to support the use of safer materials and stronger penalties for illegal use or mishandling."

Beyond regulation, he emphasised the need for public education.

"People in rural areas and those working in construction or manufacturing often don't fully understand the risks.

"A national awareness campaign, culturally sensitive and tailored to vulnerable groups, is essential."

From a clinical standpoint, Universiti Kebangsaan Malaysia Specialist Centre respiratory physician Assoc Prof Dr Ng Boon Hau echoed these concerns.

"Inhaling asbestos fibres, even for a short time, can result in permanent lung damage.

"These microscopic fibres get lodged deep in the lungs and are nearly impossible for the

body to remove."

He explained that long-term consequences include lung scarring, asbestosis and cancer.

"Mesothelioma, a cancer of the lung lining, and lung cancer are directly linked to asbestos exposure.

"These conditions can take decades to develop, making early detection and treatment extremely difficult."

Ng also supported the call for a complete asbestos ban, alongside stronger oversight of industries.

"There is no safe level of exposure. Employers must take their responsibilities seriously.

"They are legally and morally obligated to protect workers from harmful substances and that includes complying with guidelines from the Department of Occupational Safety and Health."

On Jan 11, Natural Resources and Environmental Sustainability Minister Nik Nazmi Nik Ahmad announced that the government is considering a full asbestos ban.

He said the Department of Environment is studying the health and environmental impacts of industrial asbestos use and reviewing existing legislation to identify any gaps.

However, there have been no further updates on the proposal.

THE SUN

1 MAY 2025

Tarikh: